

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI AHMAD BIN
YAHAYA**

TARIKH : 26 OKTOBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Tuan Haji Ahmad Bin Yahya minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah terdapat kajian mengenai impak minda kepada kanak-kanak dan remaja daripada permainan video dalam Internet yang mengandungi ciri keganasan dan keruntuhan akhlak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini terdapat beberapa penemuan kajian yang menjurus kepada impak penggunaan peranti digital dan permainan video dalam talian terhadap minda kanak-kanak dan remaja. Antara penemuan kajian adalah seperti berikut:

Kajian Pengguna Internet 2020 (IUS 2020)

Seperti sedia maklum, dengan penularan wabak COVID-19 dalam negara dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan Kerajaan sejak dari Mac 2020 yang lalu, masyarakat perlu kekal berada di dalam rumah. Ini sekali gus menyebabkan penggunaan Internet termasuk golongan kanak-kanak semakin meningkat. Melalui Laporan Kajian Pengguna Internet 2020 (IUS 2020) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati penggunaan Internet khususnya dalam kalangan kanak-kanak berumur lima (5) hingga 17 tahun telah meningkat dari 18.4% pada 2016 kepada 47.0% pada 2020. Lebih membimbangkan, daripada angka ini, 56.3% daripada kanak-kanak ini melayari Internet melalui peranti digital secara bersendirian.

Tinjauan Pendapat Umum Mengenai Cabaran dan Persediaan Berkaitan Teknologi Digital: Dari Perspektif Ibu dan Bapa, 2021

Terbaharu, dapatan dari tinjauan pendapat umum mengenai Cabaran dan Persediaan Golongan Ibu dan Bapa Berkaitan Teknologi Digital yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada Mei dan Jun 2021 yang lalu mendapati lebih 70% ibu bapa (ibu: 75.3%; bapa: 77.4%) membenarkan anak-anak untuk memiliki peranti digital di mana tujuan utamanya adalah sebagai medium pembelajaran, selaras dengan perkembangan kaedah pembelajaran masa kini iaitu melalui dalam talian.

Didapati tiga (3) perkara utama yang membimbangkan golongan ibu bapa di negara ini adalah berkaitan dengan ketagihan penggunaan (ibu: 24.0%; bapa: 62.9%), terdedah kepada pengaruh negatif dari media sosial atau laman sesawang yang tidak terkawal (ibu: 19.2%; bapa: 55.5%) dan leka terhadap pembelajaran (ibu: 16.8%; bapa: 46.2%).

Justeru, sebagai langkah berjaga-jaga, antara tindakan yang telah diambil oleh ibu bapa adalah seperti:

- mengehendkan masa penggunaan tidak melebihi tempoh empat (4) jam dalam sehari (ibu: 35.1%; bapa: 38.0%);
- memeriksa perisian peranti anak-anak (ibu: 26.7%; bapa: 49.7%);
- memasang aplikasi kawalan ibu bapa (*parental control apps*) (ibu: 14.7%; bapa: 30.7%); dan
- membenarkan penggunaan aplikasi yang mesra kanak-kanak (ibu: 11.9%; bapa: 24.6%).

Walaupun tiada penemuan khusus mengenai impak terhadap minda kepada kanak-kanak dan remaja kesan daripada permainan video atas talian yang mengandungi ciri keganasan dan keruntuhan akhlak, LPPKN melalui Geran Penyelidikan LPPKN sedang mengadakan beberapa kerjasama kajian berkaitan keibubapaan digital dengan institusi pengajian tinggi seperti:

1. *Enabling Digital Parenting Modules To Help Malaysia Parents Nurture Digitally Resilient Children*, UIA;
2. Model Penilaian Kesihatan Mental Berteraskan Teknik Gamifikasi, UKM;
3. *Elucidating The Associations Between Digital Parenting Style And Digital Resilience Of Children In Malaysia*, UUM;
4. *Effect of Sexting Intervention Module (SIM) Using Prototype Willingness Model On Intention And Willingness To Sext Among Graduate Students*, UPM; dan
5. Kesihatan Mental dalam Kalangan Remaja: Implikasi Persekitaran, Pendidikan dan Penggunaan Teknologi Semasa Pandemik COVID-19, UUM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' ISA BIN AB. HAMID

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bantuan dana kepada NGO sejauh manakah ia dapat meningkatkan sistem penyampaian bantuan bagi golongan yang tercicir dan terpinggir daripada Sistem Bantuan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari pentingnya peranan dan sumbangan badan bukan kerajaan atau NGO dalam bersama-sama membangun dan menyejahterakan masyarakat. Menyedari hakikat tersebut, bagi tahun 2021, KPWKM telah menerima Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan kepada NGO berjumlah RM1.5 juta. Dari Januari hingga September 2021, sebanyak 141 NGO telah diperakukan bantuan ini bagi melaksanakan 184 program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat melibatkan 25,779 peserta yang terdiri daripada kumpulan sasar Kementerian. Antara program yang dilaksanakan termasuklah literasi undang-undang dan penjana pendapatan.

Kerajaan juga telah mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) berjumlah RM150 bilion bagi memelihara kebajikan rakyat dan memerangi COVID-19. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM15 juta diperuntukkan kepada badan bukan kerajaan atau NGO dalam membantu Kerajaan menangani isu sosial seperti kesihatan mental, kelangsungan hidup dengan melaksanakan program sokongan psikososial. Jabatan Pembangunan Wanita telah mendapat RM848,650 untuk menjalankan program-program bersasar.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga memberi Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM iaitu Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kanak-Kanak. Pada tahun 2020 sebanyak 21.7 juta dan pada tahun sebanyak RM19.6 juta telah diperuntukkan kepada 245 NGO meliputi geran rangsum, geran pentadbiran, elaun khas murid OKU, sugu hati sukarelawan dan sebagainya. Golongan rentan dan masyarakat di kawasan luar bandar khususnya turut mendapat manfaat daripada program yang dianjurkan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membendung kes-kes gangguan seksual seperti mana yang dihadapi oleh adik Ain Husniza Saiful Nizam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM **menyedari wujudnya kekangan** daripada sudut perundangan dan polisi sedia ada terhadap isu gangguan seksual dalam masyarakat. Sehubungan itu, draf Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual (RUU AGS) yang digubal secara kolektif melalui sebuah pasukan projek khas ini berhasrat untuk **menangani isu-isu seperti standard pembuktian yang tinggi, ketiadaan remedi khusus** kepada mangsa selain wujudnya isu dengan izin Tuan Yang di-Pertua ***under-reporting*** kerana mangsa takut dan malu untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Sehubungan itu, RUU ini digubal untuk menambahbaik sistem keadilan sedia ada menerusi **penubuhan tribunal khusus** bagi mengendalikan aduan gangguan seksual dengan cepat dan kos yang minimum menggunakan standard pembuktian imbalan kebarangkalian dan pemberian pampasan atau ganti rugi kepada mangsa. Pada masa ini, sementara draf RUU ini sedang melalui proses semakan, penambahbaikan dan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk memurnikan lagi RUU ini, kes-kes gangguan seksual sedang ditangani melalui **akta dan peraturan lain** seperti:

- i. Kanun Keseksaan [Akta 574];
- ii. Akta Kerja 1995 [Akta 265];
- iii. Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993]; dan
- iv. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Bagi kes gangguan seksual terhadap **kanak-kanak** pula, ia turut ditangani secara khusus melalui Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792].

Sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gangguan seksual, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) terutamanya, **sedang melipatgandakan usaha-usaha meningkatkan kesedaran dan program-program advokasi** untuk mengelakkan perlakuan tersebut daripada terus berleluasa sama ada secara fizikal, visual ataupun lain-lain bentuk. Pada tahun ini sehingga Jun 2021, sebanyak 53 program telah dilaksanakan oleh JPW bertujuan untuk memberikan kesedaran mengenai perkara ini dengan penglibatan seramai 11,367 peserta di seluruh negeri.

KPWKM juga **menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak** bagi menambahbaik pelaksanaan kempen dan advokasi berterusan seperti berikut:

- i. Kempen membanteras jenayah seksual kanak-kanak di media sosial;
- ii. Program advokasi dan pencegahan oleh JKM dan LPPKN seperti SAHABAT B.I.J.A.K dan Program Pencegahan Jenayah SEKATA (Keselamatan Keluarga);
- iii. Program ilmu keibubapaan seperti Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA), Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART LPPKN, Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work), dan Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN; dan
- iv. Penubuhan Skwad Waja untuk memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita termasuklah berkenaan gangguan seksual.

Sebagai hala tuju penambahbaikan dasar, KPWKM juga sedang melaksanakan semakan semula Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara yang dijangka siap dan diluluskan Kerajaan pada awal tahun 2022. Dengan adanya usaha-usaha berterusan ini, diharapkan Kerajaan dapat membendung isu gangguan seksual daripada terus berlaku dan mewujudkan persekitaran yang selamat untuk wanita, lelaki dan juga kanak-kanak di negara kita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK PAUL IGAI

TARIKH : 26 OKTOBER (SELASA)

SOALAN

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bilangan dan punca kes bunuh diri sejak dari tahun 2018 dan apakah langkah Kementerian yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu berkaitan dengan masalah bunuh diri adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan. Menurut statistik jumlah kes bunuh diri yang diperolehi dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi tahun 2018 sehingga Julai 2021 adalah sebanyak **2,426** kes. Berdasarkan siasatan oleh Kementerian Dalam Negeri, motif bunuh diri tertinggi adalah akibat **tekanan perasaan** iaitu seramai 679 orang (27.99%) dan **masalah kewangan** mencatatkan motif kedua tertinggi iaitu seramai 385 orang (15.87%) dan diikuti dengan **kemurungan** seramai 364 orang (15.00%). Manakala kategori nyanyuk merupakan motif bunuh diri terendah iaitu seramai 4 orang (0.16%).

KPWKM memandang serius terhadap krisis jiwa dan mental yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat memandangkan kemahiran daya tindak yang rendah, dan kurang sokongan psikososial juga antara faktor yang menyumbang kepada perlakuan membunuh diri. Justeru, sokongan psiko-sosial adalah antara mekanisme untuk mengurangkan kadar tekanan yang dihadapi oleh mereka yang terkesan secara langsung. KPWKM melalui Lembaga Kaunselor turut melaksanakan pelbagai inisiatif dan program sokongan psikososial bagi membantu masyarakat yang mengalami masalah psikologi atau emosi termasuk kes cubaan bunuh diri.

Antara program KPWKM melalui Lembaga Kaunselor untuk membantu mereka yang mengalami masalah psikologi atau emosi adalah seperti:

- **Khidmat Aduan Atas Talian** melalui Talian Kasih 15999 atau aplikasi *WhatsApp* di nombor 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari yang mana talian ini berfungsi sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan bantuan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, perkhidmatan

kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian.

- **Khidmat Sokongan Psikologi Atas Talian** bagi membantu masyarakat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan. Talian Khas ini melibatkan seramai 250 orang sukarelawan kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia
- Selain daripada dua talian di atas, agensi-agensi kerajaan yang lain juga ada menyediakan perkhidmatan dalam talian seperti:
 - Mental Health and Psychological Support Service yang diuruskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
 - KSK Care Centre@Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin yang diuruskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah mendaftarkan Sukarelawan Kaunselor Berdaftar bagi membantu masyarakat dalam menangani isu psikososial. Sukarelawan Kaunselor Berdaftar ini merupakan satu entiti formal di bawah KPWKM dalam usaha membantu masyarakat dan menyediakan bantuan profesional kepada masyarakat yang memerlukan. Selain membantu melaksanakan aktiviti seperti Talian Kasih 15999 Khas COVID-19, Sukarelawan Kaunselor Berdaftar juga menyediakan khidmat psiko-sosial di peringkat komuniti dan bantuan psikologi semasa berlakunya bencana untuk melaksanakan sokongan bantu mula psikologi (*Psychological First Aid*) kepada mangsa dan waris yang terkesan.
- Sukarelawan Kaunselor Berdaftar terlibat membantu memberikan bantuan psiko-sosial kepada masyarakat melalui saluran YouTube TV yang disiarkan setiap malam untuk membincangkan isu kesihatan mental serta menyampaikan panduan (tips) untuk masyarakat. Kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk siaran program TV bagi sokongan kaunseling di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia bermula pada 1 Jun 2021.

SOALAN NO. : 47

- Lembaga Kaunselor juga telah menyediakan direktori sukarelawan kaunselor berdaftar untuk rujukan masyarakat di semua daerah.
- Bagi perancangan jangka panjang, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) akan diwujudkan untuk memperluaskan khidmat psikososial setempat.

Sekian, terima kasih.